

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh :

LPK:PB/600-4/1 Jld. 3 (22)

2 September 2021

Y.Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG
BIL. 18/2021**

**PENGHANTARAN DAN PENGELUARAN KONTENA / KARGO DI TERMINAL
PELABUHAN DAN PORT KLANG FREE ZONE (PKFZ) DI PELABUHAN KLANG
BAGI TUJUAN IMPORT DAN EKSPORT SEPANJANG TEMPOH PELAKSANAAN
PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) terkini yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan kelulusan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), semua Pengimport dan Pengeksport dibenarkan untuk menghantar dan mengeluarkan kontena / kargo di Terminal Pelabuhan (Northport / Westports) dan Port Klang Free Zone (PKFZ) bagi tujuan import dan eksport seperti berikut:

- i. Bagi barangan perlu (essential cargo), penghantaran dan pengeluaran kontena / kargo boleh dibuat pada bila-bila masa.
- ii. Bagi barangan bukan perlu (non-essential cargo), penghantaran dan pengeluaran kontena / kargo hanya boleh dibuat dengan kebenaran PDRM pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat sahaja dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam dengan jumlah pekerja yang terhad.

3. Namun, bagi syarikat yang tidak disenaraikan dalam Senarai Perkhidmatan Perlu Sektor Pembuatan dan Pembinaan, syarikat berkenaan boleh diberi pengecualian dan dibenarkan untuk beroperasi pada semua fasa PPN oleh pihak MITI sekiranya kelulusan telah diperolehi daripada Sistem MITI-CIMS dan telah mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja mereka seperti berikut:

Kadar Vaksinasi Lengkap (2 Dos Vaksin)	Kapasiti Operasi di Semua Fasa PPN
40% daripada jumlah pekerja berdaftar	60%
60% daripada jumlah pekerja berdaftar	80%
80% daripada jumlah pekerja berdaftar	100%

4. Oleh itu, mana-mana Pengimport dan Pengeksport yang telah memperoleh kelulusan untuk beroperasi daripada pihak MITI melalui Sistem MITI-CIMS dan telah mencapai vaksinasi lengkap bagi pekerja mereka seperti di para 3, adalah dibenarkan untuk menghantar dan mengeluarkan kontena / kargo di Terminal Pelabuhan (Northport / Westports) dan Port Klang Free Zone (PKFZ) pada bila-bila masa.

5. Bagi sektor pergudangan pula, aktiviti logistik *loading / unloading* pergudangan merupakan aktiviti perkhidmatan rantaian kepada pelabuhan. Sektor pergudangan tidak tertakluk kepada had operasi barangan perlu (essential cargo) sahaja kerana ianya menyediakan perkhidmatan penyimpanan dan pemunggahan barangan siap kepada pelabuhan. Aktiviti sektor pergudangan ini tidak melibatkan sebarang aktiviti pembuatan. Oleh itu, sektor pergudangan boleh terus beroperasi tanpa kekangan kepada jenis barangan perlu (essential cargo) dan barangan bukan perlu (non-essential cargo). Justeru, Pengimport dan Pengeksport adalah dibenarkan untuk menghantar dan mengeluarkan kontena / kargo di Terminal Pelabuhan (Northport / Westports) dan Port Klang Free Zone (PKFZ) pada bila-bila masa dan menghantar kontena / kargo kepada mana-mana Operator Gudang yang telah memperoleh kelulusan untuk beroperasi daripada pihak MOT melalui Sistem SMILE.

6. Semua syarikat yang terlibat hendaklah juga mematuhi syarat-syarat berikut:

- i. Mematuhi SOP Pengangkutan dan Logistik yang terkini.
- ii. Melaksanakan semua protokol penjagaan kesihatan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk pemeriksaan suhu badan, mengimbas kod QR menerusi aplikasi MySejahtera, mengamalkan penjarakan fizikal, menggunakan cecair pembasmi kuman dan memakai pelitup muka; dan
- iii. Tidak membenarkan individu di bawah pemantauan (PUS) atau mereka yang dikenakan kuarantin untuk mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti yang dibenarkan.

7. Justeru itu, **Operator Pelabuhan (Northport dan Westports) serta Port Klang Free Zone akan terus beroperasi seperti biasa (24 jam pada setiap hari)** dan akan memperuntukkan segala keperluan perkhidmatan bagi aktiviti pelabuhan dan logistik untuk menampung keperluan negara sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

8. LPK menyeru kepada semua pengguna pelabuhan untuk mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan dan kesihatan warga kerja di dalam tempoh sukar ini dan mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan, LPK dan Operator Pelabuhan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

mamp/josc